

CNS0864

U GB 08-11 003.98 BA285

aab

Mahathir - Pengganti

GHAFARAKAN GANTI MAHATHIR, PARTI TENTUKAN PENGGANTINYA

I

KUALA LUMPUR, 8 NOV (Bernama) -- Presiden UMNO, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata mengikut tradisi parti, timbalan presiden Encik Ghafar Baba akan menggantikan beliau dan parti pula akan menentukan penggantinya.

+Tradisi Umno ialah sesiapa yang memegang jawatan nombor dua -- Timbalan Presiden -- menggantikan presiden dan itulah caranya saya fikir ia sepatutnya dibuat, + kata Perdana Menteri .

Yang menjadi rebutan sekarang bukan bagi jawatan timbalan presiden tetapi tiga jawatan naib presiden dan beliau tidak akan menamakan pengganti seterusnya kerana ia tidak akan memberi kebaikan kepada parti, katanya kepada satu persidangan akhbar di akhir perhimpunan agung Umno di Pusat Dagangan Dunia Putra disini.

Perdana Menteri ditanya sama ada terdapat perubahan pendiriannya berhubung soal pengganti dalam Umno berikutan kenyataannya semalam bahawa beliau akan menyerahkan kepada anggota parti untuk menentukan penggantinya.

Ketika ditanya sama ada ini bermakna penyandang jawatan-jawatan berkenaan akan dikekalkan untuk kebaikan parti, Dr Mahathir berkata +bukan saya yang menentukannya kerana bagisaya, sudah tentulah orang selepas ini ialah timbalan gresiden tetapi yang lainnya, terpulanglah kepada parti untuk menentukannya+. -- Lagi

▼08/11/20-45MST

U GB 08-11 00180 BA286

aab

Mahathir - Pengganti 2 Kuala Lumpur

Ketika ditanya sama ada beliau akan terus menawarkan diri untuk menjadi presiden UMNO bagisatu atau dua penggal lagi, Dr Mahathir berkata beliau bertanggungjawab untuk menawarkan diri sekiranya diperlukan oleh parti.

+Saya tidak tahulah untuk dua penggal lagi, tetapi sekiranya saya masih sihat dan parti masih memerlukan saya, saya rasn in menjadi tanggungjawab saya untuk menawarkan diri. Jika parti tidak mahu sayalagi, tidak mengapa, + kata beliau.

Ghafar yang juga berada di persidangan akhbar itu enggan mengulas kenyataan Dr Mahathir. itu.

+Beliau tidak ada apa-apa reaksi, + kata Perdana Menteri,

Dr Mahathir berharap nasihat beliau kepada anggota perwakilan tentang perlunya mengurangkan mainan politik dalam parti dapat menimbulkan sedikit kesedaran untuk menyekat kempen kurang sihat dalam UMNO.

+Ia adakena mengena dengan barangkali penggunaan wang, pengaruh dan jentera kerajaan untuk mencapai cita-cita, + katanya.

Kepada pertanyaan tentang siapa yang akan mengisi jawatan timbalan presiden sekiranya berlaku perubahan bagi jawatan presiden, Perdana Menteri berkata ia terserah kepada penggantinya untuk menentukan timbalannya. -- Lagi

▼08/11/21-03MST

CNS0877

UGB 08-11 00129 BA287

aab

Maha thir - Pengganti 3 (Akhir) Kuala Lumpur

+Seperti yang termaklum, ketika saya dipilih sebagai timbalan presiden; saya adalah calon yang paling tidak popular, tetapi (allahyarham) Datuk (Tun). Hussein (ketika itu presiden UMNO) telah membuat keputusan, dan itu merupakan perkara baginya untuk memutuskan, kita tidak persoalkannya.

+Saya tidak akan mengenakan apa-apa syarat kepada pengganti saya, kata Dr Mahathir. . .

Bagaimanapun katanya, yang-, penting pengganti itu perlu meneruskan perjuangan parti ke arah mencapai matlamat yang telah ditetapkan tanpa membuat perubahan besar.

+Mungkin ada sedikit perubahan tetapi pada umumnya kita seharusnya menuju ke arah yang sama jika kita mahu mencapai matlamat Wawasan 2020, katanya.

Dr Mahathir berkata semua jawatan parti terbuka untuk dipertandingkan tetapi ia seharusnya dijalankan secara bersopan. -- Bernama

▼08/11/21-14MST